

# **KAJIAN PERBANDINGAN DARJAH TRANSITIVITI AWALAN *BER-* DAN *PER-* DALAM BAHASA MELAYU**

*Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin*  
syed@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia

*Noor Azaliza Yahaya*  
noor\_azaliza@yahoo.com

Kementerian Pelajaran Malaysia

## **Abstrak**

Kajian korpus berkomputer ini melibatkan dua imbuhan penting dalam bahasa Melayu, iaitu imbuhan *ber-* dan imbuhan *per-*. Penulis telah memilih secara rawak 20 ayat yang terkandung di dalamnya kata terbitan dengan imbuhan *ber-* dan 20 ayat dengan kata terbitan imbuhan *per-*. Kosa kata dasar bagi setiap 20 pasang ayat dengan *per-* dan *ber-* tersebut adalah sama. Objektif penting kajian ini ialah untuk menentukan tinggi atau rendah ketransitifan klausa yang hadir dalam tatabahasa dan wacana bahasa. Secara spesifiknya yang diteliti ialah kadar darjah transitiviti dua kumpulan ayat yang tersebut. Satu kumpulan mengandungi kata terbitan dengan imbuhan *ber-* manakala satu kumpulan lagi dengan kata terbitan imbuhan *per-*. 20 pasang ayat *per-* dan *ber-* dibandingkan bagi melihat darjah transitivitinya. Untuk tujuan ini, teori Hipotesis Transitiviti oleh Hopper & Thompson (1980) telah digunakan. Darjah transitiviti ini diukur dengan berpandukan 10 komponen yang ada dalam teori tersebut. Secara tidak langsung penulis telah dapat menjawab persoalan tentang imbuhan yang manakah lebih tinggi darjah transitivitinya, imbuhan *ber-* atau imbuhan *per-*.

SYED ZAINAL ARIFF SYED JAMALUDDIN DAN NOOR AZALIZA YAHAYA

Kata kunci: perbandingan, awalan per-, awalan ber-, darjah transitiviti, hipotesis transitiviti

### ***Abstract***


*This study of computer-based corpus involves two important affixes in Malay Language, i.e ber- and per-. The writers have randomly chosen 20 sentences with affix ber- derivation and 20 sentences with affix per- derivation. The root words for the 20 pairs are the same. One of the main objectives of this study is to determine the degree of transitivity of such clauses in grammar and discourse. Specifically, this study analyses two groups of sentences, as mentioned above, one group with ber- derivation and another group with per- derivation. The 20 pairs of per- and ber- sentences are compared to identify their degree of transitivity. For this, the Transitivity Hypothesis Theory of Hopper & Thompson (1980) was applied. The degree of transitivity is measured based on the 10 components of the theory. Indirectly, the writers have answered the question as to which affix (per- or ber-) is higher in transitivity.*

*Keywords:* comparative, per- prefix, ber- prefix, degree of transitivity, transitivity hypothesis

## **PENDAHULUAN**

Menurut Asmah (1988:383-384), bahasa Melayu kuno telah bermula pada abad ketujuh, sementara bahasa Melayu klasik wujud sejak abad ke-13 hingga abad ke-17. Bahasa Melayu moden pula ialah bahasa Melayu dalam abad ke-17 hingga ke hari ini. Hal ini turut dijelaskan oleh Noriah (1999:42) yang menyatakan bahawa untuk sampai ke kedudukan bahasa Melayu moden sekarang ini, bahasa Melayu telah melalui beberapa peringkat perkembangan bahasa. Oleh itu, Teeuw dalam Noriah (1999:43) telah merumuskan bahawa terdapat sekurang-kurangnya empat peringkat bahasa tua yang telah wujud sebelum lahirnya bahasa Melayu sekarang ini, yakni bahasa Melayu kuno (BMkuno), bahasa Melayu klasik (BMK) dan bahasa Melayu moden (BMM). Untuk melihat dengan lebih jelas, para pengkaji bahasa telah mengutarakan skema lurus yang memperlihatkan perkembangan langsung bahasa Melayu daripada bentuk purbanya seperti dalam rajah yang berikut:

## JURNAL BAHASA



(Sumber: Noriah,1988:43)

Bahasa Melayu telah digunakan sebagai lingua franca di Kepulauan Melayu sejak awal abad ke-15 lagi. Sejak zaman itu, bahasa Melayu telah berkembang dengan pesatnya sehingga ke seluruh Kepulauan Melayu dan kawasan sekitarnya. Antara wilayah penyebaran bahasa Melayu ialah Kepulauan Indonesia, Singapura, Brunei, Malaysia, Kemboja, Sri Lanka, dan Selatan Thailand. Sesuai dengan sifat bahasa yang dinamik dan kreatif, pembentukan kata dalam bahasa Melayu juga telah mengalami pelbagai perubahan. Pendapat ini turut disokong oleh Asmah (1988:3) yang menyebut bahawa:

Penurunan bahasa dari generasi ke generasi tidak mungkin tidak mengalami perubahan, baik pada bunyinya, atau pada bentuk dan makna kata-kata tertentu, ataupun pada susunan ayat.

Menyedari hakikat inilah, pengkaji berpendapat bahawa bahasa-bahasa ini amat menarik untuk diselidiki agar tidak dilupakan begitu sahaja terutama oleh generasi kini. Memandangkan perkembangan BMkuno hinggalah bahasa Melayu yang dituturkan sekarang ini mempunyai tempoh yang agak panjang, maka tentulah terdapat perbezaan akibat perubahan dari segi bentuk fonologi, morfologi, sintaksis, dan semantiknya. Hal ini turut diakui oleh Asmah (1988:384) yang menyebut bahawa terdapat perbezaan

antara BMkuno dengan BMK dan BMM. Perbezaan itu berdasarkan tiga faktor, yakni perbendaharaan kata, nahu, dan bunyi bahasa.

Berhubung dengan aspek nahu dalam BMK, penggunaan awalan dan akhiran adalah berbeza antara bahasa BMkuno dengan BMK dan BMM. Menurut Asmah (1988:384-85), awalan dan akhiran dalam BMK dan BMM sudah menyimpang daripada BMKuno. Penggunaan awalan dalam BMKuno sudah digantikan dengan awalan lain atau digugurkan sama sekali dalam BMK atau BMM.<sup>1</sup> Hal yang sama turut berlaku pada akhiran yang digunakan dalam BMM dengan BMKuno.<sup>2</sup> Penggunaan awalan kata kerja BMK, iaitu di- dan men- masih kekal hingga ke hari ini.

Setelah BMKuno digantikan dengan BMK akibat pengaruh agama Islam yang semakin mantap di Asia Tenggara pada abad ke-13, bahasa Melayu telah mengalami banyak perubahan dari segi kosa kata, struktur kalimat dan tulisan. Oleh itu, BMK merupakan bahasa yang menarik untuk dikaji kerana mempunyai ciri tersendiri. BMK mudah dikenali kerana mempunyai kalimat yang panjang, berulang-ulang dan berbelit-belit. Selain itu, BMK selalu dikenali kerana cirinya yang menggunakan ayat pasif dan bahasa istana, serta mempunyai susunan ayat songsang. BMK juga banyak menggunakan kosa kata klasik, seperti *edan kesmaran* (mabuk asmara), *sahaya*, *masyghul* dan *ratna mutu manikam*. Kata pangkal ayat juga banyak digunakan dalam BMK contohnya sebermula, alkisah, hatta, dan ada pun, serta banyak menggunakan partikel lah dan pun.

Bertitik tolak daripada inilah, pengkaji berasa perlu untuk meneliti leksikal atau klausa BMK ini terutamanya dari segi proses pengimbuhannya. Dalam usaha untuk menganalisis BMK, pengkaji akan memfokuskan pada bentuk awalannya. Pengkaji akan turut membuat perbandingan darjah transitiviti dalam klausa BMK tersebut. Bahagian seterusnya akan membincangkan objektif kajian ini.

## SUMBER DATA

Dalam menganalisis kajian, pengkaji menggunakan kaedah berbantuan komputer untuk mencari teks terpilih. Teks *Hikayat Sri Rama* (HSR), *Hikayat Muhammad Hanafiyah* (HMH), dan *Hikayat Aceh* (HAC) digunakan sebagai bahan kajian untuk mewakili bahasa abad ke-17, manakala *Hikayat Inderaputra* (HIP) bagi mewakili bahasa abad ke-18. Teks HSR (1633), HMH (1632), HCA (abad ke-17), dan HIP (1700) ini boleh didapati melalui Internet. Teks ini diperoleh daripada Malay

## JURNAL BAHASA

Concordance Project yang diusahakan oleh Dr. Ian Proudfoot yang bertugas di Australian National University. Daripada teks terpilih yang telah dikenal pasti ini, pengkaji akan memilih kata kerja yang mempunyai awalan *ber-* dan *per-* sebagai sumber data.

Pengkaji menggunakan empat teks terpilih bagi mendapatkan 20 pasangan kata akar memandangkan perlu dikenal pasti kata akar yang sama menerima awalan *ber-* dan *per-* daripada teks yang sama dalam abad ke-17 dan ke-18. Cara ini dibuat bagi mengelakkan pasangan kata akar yang tidak sepadan dan berulang. Ketika proses mengenal pasti data, pengkaji menghadapi kekurangan kata akar walaupun menggunakan empat teks terpilih. Kata akar yang telah dipilih melibatkan bentuk *agent trigger* (AT), *patient trigger* (PT) dan *subject trigger* (ST). Istilah *agent trigger*, *patient trigger* dan *subject trigger* masing-masing dikenali sebagai pemacu agen, pemacu penerima dan pemacu subjek dalam bahasa Melayu. Selain itu, pengkaji cuba mengelakkan kosa kata yang menerima awalan *ber-* dan *per-* yang tergolong dalam jenis kata nama atau kata ganda. Data tersebut dipilih secara rawak. Seterusnya, ayat yang mengandungi awalan *ber-* dan *per-* dikeluarkan dengan bantuan program yang telah dimasukkan dalam Malay Concordance Project ini. Kaedah kepustakaan turut digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini.

## SOROTAN KAJIAN LALU

Pengkajian berkaitan dengan penggunaan awalan pula telah dilakukan oleh Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin (2005) dalam tesis kedoktorannya tentang hubungan imbuhan *per-*, *ber-*, dan *memper-* dari segi sejarah dan perkembangannya berdasarkan teks abad ke-17 hingga abad ke-20. Kajian tersebut cuba menyelesaikan pertentangan antara Roolvink (1965) dan Adelaar (1984) dengan merujuk asal usul, fungsi, dan makna awalan *ber-*, *per-*, dan *memper-* dalam bahasa Melayu selama dalam jangka masa 400 tahun tersebut. Persoalan tersebut cuba diselesaikan dalam kajian yang berbentuk kuantitatif. Beliau telah menggunakan data secara rawak berdasarkan 21 buah teks bahasa Melayu klasik dan bahasa Melayu moden serta dua naskhah surat yang diperoleh daripada sumber Internet, iaitu Malay Concordance Project. Data yang diperoleh ini kemudian dikaji mengikut turutan untuk menentukan kejadian, fungsi gramatis dan makna awalan tersebut. Walau bagaimanapun, beliau tidak menentukan

darjah transitiviti ayat yang digunakan sebagai data berdasarkan 10 komponen yang diperkenalkan oleh Hopper & Thompson (1980) tersebut, tetapi darjah transitiviti yang dibuat berdasarkan perbandingan terhadap kata kerja yang mengandungi akhiran *-kan* dan *-i* sahaja.

Seterusnya, analisis dibuat menggunakan Kriteria Cumming (1991) untuk mengenal pasti jenis bentuk pemacu (*trigger*) dalam data yang terpilih. Beliau telah mengenal pasti bahawa bentuk AT lebih dominan dalam abad ke-17, abad ke-18, abad ke-19 hingga tahun 1856, abad ke-20 hingga tahun 1930 dan abad ke-20 hingga selepas tahun 1930. Dalam abad ke-17 dan abad ke-18 juga, awalan *per-* dalam bentuk AT atau PT dan *ber-* dalam bentuk AT atau ST atau PT juga lebih dominan. Selain itu, awalan *per-* mempunyai transitiviti yang tinggi dan *memper-* mempunyai kesan terhadap AT *ber-*. Dalam abad ke-18 pula, terdapat peningkatan dalam kejadian ST *ber-* dan ini merupakan kesan AT *ber-*. Dalam tempoh ini, bentuk AT *ber-* telah berubah daripada transitiviti yang rendah kepada bentuk intransitiviti ST *ber-*. AT *ber-* telah hilang dan ST *ber-* menjadi dominan bentuk ST. Perubahan bentuk AT telah mengambil tempat dalam abad ke-19 dan ke-20 dengan AT *memper-*. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bentuk PT adalah lebih popular daripada bentuk AT dan bentuk ST.

Bagi pengkaji Barat pula kajian telah dijalankan oleh Brakel (1975) menggunakan teks Melayu *Hikayat Muhammad Hanafiah*. Kajiannya menyentuh aspek fonologi. Brakel (1975) dalam kajiannya terhadap teks Melayu *Hikayat Muhammad Hanafiah* (HMH) ada membincangkan aspek kata terbitan bahasa Melayu yang terdapat dalam teks tersebut. Beliau telah membahagikan kajian terhadap kata terbitan kepada tiga golongan, iaitu kata kerja, kata nama, dan kata adjektif. Walau bagaimanapun, beliau tidak membincangkan golongan kata tersebut berdasarkan kata terbitannya secara menyeluruh. Beliau melihat bentuk derivasi, iaitu penggabungan imbuhan dengan kata dasar yang terdiri daripada ketiga-tiga golongan kata tersebut. Misalnya, derivasi *ber-KK* yang merujuk imbuhan *ber-* yang bergabung dengan kata kerja, tanpa melihat makna dan fungsinya dalam konteks ayat. Kajian beliau lebih mementingkan isi kandungan cerita yang terdapat dalam HMH berbanding dengan aspek bahasanya.

Sementelah itu, walaupun terdapat beberapa buah buku yang telah memuatkan huraian mengenai imbuhan, tetapi huraian tersebut menumpukan pada makna, fungsi dan sebahagian daripada aspek nahu yang dibincangkan. Makalah ilmiah yang diterbitkan dalam Dewan bahasa dan Pustaka pula, walaupun mengenai kajian yang khusus tentang

imbuhan, tetapi hanya menumpukan pada imbuhan tertentu sahaja. Jadi, setakat ini belum ada kajian mengenai imbuhan bahasa Melayu yang memfokuskan dari segi makna dan fungsi gramatisnya serta mengenal pasti tahap transitiviti ayat.

## APLIKASI HIPOTESIS TRANSITIVITI DALAM TEKS BAHASA MELAYU KLASIK

Hopper & Thompson (1980:260-61) menyenaraikan tiga sifat unsur yang menjadikan klausa dalam Bahasa Melayu mempunyai tahap transitiviti yang lebih tinggi.

- (1) Kehadiran imbuhan akhiran *-kan* atau *-i*. Apabila dibandingkan dua imbuhan akhiran ini, *-kan* mempunyai tahap transitiviti yang lebih tinggi berbanding dengan *-i*.
- (2) Kehadiran datif O dalam klausa *-kan*.
- (3) Ciri kausatif dalam klausa.

Hopper & Thompson (1980) memberikan contoh hipotesis transitiviti mereka dalam bahasa Indonesia atau bahasa Melayu dengan menyebut imbuhan akhiran *-kan* sebagai satu penanda kepada tahap transitiviti yang tinggi dalam kata kerja. Dalam membincangkan objek datif, mereka menyatakan "*Indonesian -kan is interesting in this regard because it has characteristics of a marker of increased Transitivity in the verb*" (1980:260). Hopper dan Thompson menegaskan kehadiran datif O menunjukkan transitiviti yang tinggi dalam klausa. Tentang *-kan* pula, mereka juga menekankan bahawa "*there is thus independent evidence that -kan makes a predicate more transitive*" (1980:261). Mereka memberikan contoh bagaimana tahap transitiviti lebih tinggi dengan adanya akhiran *-kan* jika dibandingkan dengan akhiran *-i*. Mereka membuktikan klausa yang mempunyai *-kan* adalah lebih intensif berbanding dengan klausa yang mempunyai akhiran *-i*. Mereka juga menyatakan bahawa kehadiran kausatif menandakan tahap transitiviti yang tinggi.

Hopper & Thompson (1980) dalam makalah mereka, "Transitivity in Grammar and Discourse" membincangkan beberapa komponen ketransitifan yang menjadi skala untuk menentukan tinggi atau rendah ketransitifan klausa yang hadir dalam tatabahasa dan wacana bahasa

secara umum. Mereka telah menggunakan bahasa Polinesia dan bahasa lain dalam kajian. Komponen transitiviti Hopper & Thompson (1980) adalah seperti yang berikut:

- (a) peserta [*participants*]: penglibatan sekurang-kurangnya dua peserta, A [*agent*] dan O [*object*].
- (b) pergerakan [*kinesis*]: perbuatan atau pergerakan aktiviti daripada satu peserta kepada peserta lain, seperti *I hugged Sally*, tetapi tidak *I like Sally*.
- (c) aspek [*aspect*]: kesempurnaan aktiviti, seperti *I ate it up* dan tidak *I am eating it*, (istilah *perfective* / *imperfective* juga digunakan untuk menunjukkan komponen aspek).
- (d) ketepatan masa [*punctuality*]: peringkat peralihan yang nyata antara permulaan dan penamatkan aktiviti tidak wujud, seperti *kick* (tepat) dan *carry* (tidak tepat).
- (e) volisionaliti (*volitionality*): kesengajaan sesuatu aktiviti, seperti *I wrote your name* (volisional) dan *I forgot your name* (tidak volisional).
- (f) kenyataan [*affirmation*]: parameter afirmatif / *negative* [parameter *affirmative* / *negative*].
- (g) ragam [*mode*]: aktiviti indikatif (*indicative*) berbanding dengan aktiviti bukan penyata (*non-assertive*), seperti aktiviti subjungtif (*subjunctive*), hipotetikal, kondisional, dan lain-lain.
- (h) kepelakuuan [*agency*], iaitu keupayaan sesuatu subjek mengatasi objek mengikut hierarki pelaku.

GN 1 > GN 2 > GN 3 > Nama Khas Manusia > Manusia > Animat > Tak Animat.

Hierarki ini harus dibaca seperti contoh yang berikut: GN 2 (Ganti nama kedua) itu

- (i) lebih tinggi nilai kepelakuannya daripada GN 3 dan yang lain, tetapi
- (ii) lebih rendah nilai kepelakuannya daripada GN 1.
- (i) keberkesanan terhadap O: kesan aktiviti terhadap O, sama ada secara menyeluruh atau secara sebahagian, seperti *I drank up the milk* dan *I drank some of the milk*.
- (j) Ciri tersendiri O: objek yang memiliki ciri sebelah kiri adalah lebih tersendiri.

<b>tersendiri</b>	<b>bukan tersendiri</b>
khusus [ <i>proper</i> ]	am [ <i>common</i> ]
manusia, animat	tidak animat
maujud [ <i>concrete</i> ]	mujarad [ <i>abstract</i> ]
satu/mufrad [ <i>singular</i> ]	banyak [ <i>plural</i> ]
jamak [ <i>count</i> ]	jamak [ <i>mass</i> ]
petunjuk, tetap [ <i>referential definite</i> ]	bukan petunjuk

Seterusnya, Hopper & Thompson (1980) memberikan ayat yang berikut untuk menunjukkan contoh ketransitifan yang tinggi dan yang rendah:

- (1a) *Jerry likes beer*
- (1b) *Jerry knocked Sam down*

Ayat (1b) mempunyai ketransitifan tinggi berbanding dengan ayat (1a) kerana ia menunjukkan komponen yang berikut:

- Pergerakan : perbuatan
- Aspek : perfektif
- Ketepatan keberkesanan terhadap O : menyeluruh
- Ciri tersendiri O : tinggi: petunjuk, animat dan khusus.

Melalui wacana Hopper dan Thompson menghubungkaitkan ketransitifan tinggi dengan latar depan (*foregrounding*) dan ketransitifan rendah dengan latar belakang (*backgrounding*). Contohnya (bahagian lataran depan ditulis secara italik), “The son of an electrical engineer, Stigwood was always an independent spirit. *He converted to Catholicism as a teenager, briefly considered becoming a priest, and left school of a degree at seventeen. After hitching a boat to England, he landed a job at a theatrical agency and subsequently, he opened his own small talent agency. It was not long before he created a stir- and a star.* A TV actor he represented, John Leyton, had been turned down as a singer by several record companies’ (Hopper & Thompson, 1980:295).

Empat contoh ayat telah dipilih dan disenaraikan untuk menunjukkan tahap transitiviti yang berlainan pada klausa yang berikut:

SYED ZAINAL ARIFF SYED JAMALUDDIN DAN NOOR AZALIZA YAHAYA

- (2) HIP 30:4 .. anakanda yang bernama Raja Ungku itu **bersuamikan** Raja Pahang.
- (3) MMY 187:16 ia sudah datang ke negeri kita **berhambakan** dirinya, kepada kita sekarang ini
- (4) HHT 68:33 mamak Bendahara dan Temenggung **berbuat** istana itu, kerana raja pun bujang.
- (5) HRP 60:4 (Sultan Malikul Mansur)...ke tepi laut pergi bermain-main serta **berjamu** segala menteri hulubalang makan minum bersukaan

Dalam contoh yang diberikan, ayat (2) dan (3) adalah lebih tinggi transitivitinya berbanding dengan ayat (4) and (5). Alasannya adalah seperti yang berikut:

Dalam contoh (2) –*kan* hadir dalam kata *bersuamikan*. Kedua-dua agen dan penerima *Raja Ungku* dan *Raja Pahang* ialah kata nama khas. Agen dan penerima ialah animat dan dikenali *definit*. Aksi adalah *telik* dan tepat masa (*punctual*), fakta seperti yang ditunjukkan oleh kata kerja *bersuamikan* dan frasa *Hatta antara berapa lama lamanya pada*. Penerima *Raja Pahang* diindividualisasikan kerana kata nama khas, manusia animat, objek yang konkrit, kata nama singular, boleh dibilang (*countable*) dan boleh dirujuk (*referential*). Contoh ayat (2) ialah klausa kausatif.

Dalam contoh (3), –*kan* hadir dalam *berhambakan*. Agen *ia* ialah ganti nama. A (Agen) dan O (penerima) ialah animat. Aksi ialah *telik* dan *tepat masa* seperti yang ditunjukkan oleh kata kerja *berhambakan*. Penerima diindividualisasikan kerana *ia* ialah manusia animat, satu objek yang konkrit, nama bukan jamak (*singular noun*) yang boleh dibilang dan dikenali *definit*. Ayat (3) adalah juga klausa kausatif.

–*Kan* tidak hadir dalam ayat (4), Kedua-dua agen *mamak Bendahara* dan *Temenggung* berkongsi penerima. Penerima tersebut bukan animat dan aksi adalah tak lengkap atau sempurna (*atelik*). *Atelik* bermaksud aksi (*action*) atau acara (*event*) yg masih lagi tidak selesai, manakala, telik bermaksud aksi atau acara telah selesai.

–*Kan* tidak hadir dalam ayat (5), agen dan penerima ialah namaan dan animat. Aksi tak sempurna *atelik* dan ada perlengahan (*non-punctual*).

Dalam ayat (2) dan (3), terdapat akhiran *-kan*. Dalam kedua-dua kes diindividualisasikan, dikenali *definit* dan sebagai ganti nama dan kausatif berbanding dengan ayat (4) dan (5) yang kekurangan unsur (*properties*) ini sebagai penanda transitiviti yang tinggi.

## JURNAL BAHASA

Ayat (6) dan (7) di bawah mengandungi klausa *per-* dan ayat (8) dan (9) mengandungi klausa *per-kan* diperturunkan mengikut urutan untuk membandingkan tahap transitiviti setiap jenis:

- (6) SMY 242:18 kepada Raja Mendaliar, “Baiklah, hamba **persebahkan** dia ke bawah Duli Yang Dipertuan.”
- (7) SMY 289:4 sembah Seri Nara Diraja, “Patik hendak **persebahkan** hal bonda Raja Mansur...
- (8) SMY 241:30 Dewana datang kepada Datuk Bendahara, **persebah** sepuluh kati emas, hendak menyuruh bunuh tuan ..
- (9) SMY 272:29 .. daripada empat puluh hari, Bendahara **persebah** nobat seperti istiadat yang mutakaddimin. ....

Ayat (6) dan (7) adalah lebih tinggi tahap transitivitinya berbanding dengan ayat (8) dan (9) kerana unsur yang berikut ada dalam ayat tersebut:

Dalam ayat (6) terdapat akhiran *-kan*. Agen dan penerima ialah manusia animat. Kedua-dua peserta ialah ganti nama agen *hamba* dan ganti nama objek *dia*. Aksi dapat disempurnakan. Dalam ayat (7) terdapat akhiran *-kan*. Daripada kedua-dua peserta, agen ialah ganti nama dan penerima bukan animat. Terdapat kata kerja serial, satu ialah kata bantu *hendak* dan yang satu lagi, *persebahkan*. Aksi telah lengkap *telik* dan *tepat masa* sebagaimana yang ditunjukkan oleh kata kerja *persebahkan*.

Ayat (8) mengandungi akhiran *-kan*. Terdapat dua peserta, agen dan penerima yang kedua-duanya kata nama. Terdapat aksi di sini yang melibatkan dua peserta. Akhiran *-kan* tidak terdapat dalam ayat (9). Ayat ini melibatkan dua peserta, agen dan penerima. Kedua-duanya kata nama. Aksi berlegar pada peserta tunggal (agen). Tidak terdapat peserta kedua.

Perbezaan antara pasangan ayat (6) dan ayat (7) dengan pasangan ayat (8) dan ayat (9), adalah kerana pasangan yang terdahulu mengandungi akhiran *-kan*, lebih keindividualannya dalam (6). Kedua-dua agen dan penerima ialah ganti nama dan dalam (7), agen ialah ganti nama dan penerima ialah animat dan juga ayat (6) ialah datif O dan ayat (7) ada kata kerja serial. Pasangan terkemudian yang kedua kekurangan unsur ini.

## ANALISIS AWALAN KATA KERJA **BER-** DAN **PER-** DALAM KARYA TERPILIH

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, kajian berkaitan dengan awalan kata kerja ini bertujuan melihat darjah transitiviti antara

ayat dengan ayat dalam karya terpilih abad ke-17 dan ke-18. Pengkaji akan memfokuskan kajian ini kepada awalan *ber-* dan *per-* sahaja untuk melihat bentuk, fungsi gramatis, dan makna kedua-dua awalan ini selain membandingkan darjah transitiviti dalam ayat yang mempunyai awalan tersebut. Dalam topik ini akan didahului dengan perbincangan mengenai awalan yang terlibat dari segi bentuk, fungsi gramatis, dan makna yang dibawakannya dalam BMS dan BMK berdasarkan dapatan pengkaji terdahulu. Dengan adanya maklumat tersebut, pengkaji dapat mengenal pasti sama ada bentuk, fungsi gramatis, dan makna awalan *ber-* dan *per-* pada abad ke-17 dan ke-18 ini sama seperti dalam bahasa Melayu sekarang ini.

Seterusnya perbincangan akan terarah kepada darjah transitiviti ayat. Untuk tujuan itu, sepuluh komponen yang terdapat dalam Hipotesis Transitiviti akan diterapkan untuk menguji darjah transitiviti dalam ayat yang mempunyai awalan *ber-* dan *per-* serta membuat perbandingan darjah transitiviti kedua-dua awalan ini. Hipotesis Transitiviti digunakan memandangkan hipotesis ini berkemampuan membuat perbandingan darjah transitiviti dalam sesuatu ayat atau bahasa. Akhir sekali, pengkaji akan membincangkan bentuk awalan tersebut dan fungsi gramatis dalam abad ke-17 dan ke-18 serta makna yang didukung berdasarkan kata akar yang dipilih mengikut kriteria Cumming (1991).

### Bentuk, Fungsi Gramatis, dan Makna Awalan dalam BMS

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan secara ringkas mengenai bentuk, fungsi gramatis, dan makna yang dibawa oleh awalan *ber-* dan *per-* dalam BMS. Huraian mengenai bentuk, fungsi, dan makna kedua-dua awalan dinyatakan seperti yang berikut:

#### Awalan *ber-*

Awalan *ber-* berfungsi membentuk kata kerja yang bersifat tak transitif, sama ada memerlukan pelengkap atau tidak memerlukan pelengkap. Contohnya bagi perkataan seperti bernyanyi, berkereta, dan berbaju.

- (10) Siti Nurhaliza sedang **bernyanyi** di atas pentas.
- (11) Amin sudah berkereta.
- (12) Orang gila itu berbaju koyak-rabak.

Walau bagaimanapun, apabila awalan *ber-* bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf /r/ salah satu daripadanya akan digugurkan kerana degeminasi tidak dibenarkan berlaku. Misalnya, berendam /berrendam\* dan berenang /berrenang\*. Awalan *ber-* boleh bergabung dengan kata dasar yang terdiri daripada kategori kelas kata KN, KK, dan KA. Bentuk awalan ini dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu *ber-*, *bel-*, dan *be-*. Melihat dari aspek fungsi, awalan *ber-* berperanan sebagai penetap dan pengubah golongan. Makna yang didukung oleh awalan *ber-* terkandung dalam kata dasar, bergantung pada golongan kata perkataan yang bergabung dengannya. Hal ini disebut oleh Syed Zainal Ariff (2002:46) sebagai tinggalan bentuk fosil kerana sudah tidak digunakan lagi.

### **Awalan *per-***

Awalan *per-* berfungsi sebagai penetap dan pengubah golongan. Awalan *per-* boleh diimbuhkan kepada kata kerja, kata adjektif, kata nama, ganti nama diri, dan kata bilangan. Semua awalan kata kerja *per-* ialah transitif. Akhiran *-kan* ditambahkan kepada kata kerja dengan awalan *per-* untuk menegaskan ciri transitif kata kerja tersebut tanpa memberikan tambahan makna kepadanya. Selain itu, awalan kata kerja *per-* boleh menerima *-i* dengan makna tertentu. Contoh perkataan dengan awalan kata kerja *per-* membawa makna tertentu, seperti *perbesar*, *peranak*, *peraku*, dan *persatu*.

Senarai 20 ayat mengandungi awalan *ber-* telah dipilih sebagai data untuk mengenal pasti darjah transitiviti yang berlainan. Seterusnya sebanyak 20 ayat yang mempunyai kata kerja awalan *per-* dipilih untuk diuji tahap transitivitinya. 20 ayat *per-* dan *ber-* ini dipasangkan seperti yang berikut:

### **Pasangan ayat 1**

- (13) HSR        185:13 Sudah itu maka Maharesi Kala pun **berjamu** segala anak raja-raja itu.
- (33) HSR        75:10 maka sahut Bahagadata “marilah **perjamu** kami dahulu”

Berdasarkan pasangan ayat 1, terdapat dua orang peserta yang terlibat dalam ayat (13) bagi merealisasikan kata dasar *jamu* dengan awalan *ber-* ini. *Maharesi Kala* bertindak sebagai agen, dan penerima ialah *anak raja-raja itu* ialah kata nama dan animat. Dalam ayat (33), juga terdapat dua orang peserta, iaitu *Bahagadata* sebagai agen dan penerima *kami*, iaitu kata ganti nama diri pertama (KGND 1). Kedua-duanya juga animat.

**Jadual 1** Perbandingan transitiviti kosa kata *jamu*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>berjamu</b>	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	6
<b>perjamu</b>	✓	X	X	X	✓	✓	✓	X	X	X	4

Dari segi kinesis, kata kerja dalam kedua-dua ayat bukanlah aksi yang boleh dipindahkan daripada seorang kepada orang lain kerana tiada objek bergerak menyebabkan kinesis rendah dalam kedua-dua ayat. Begitu juga dengan komponen aspek, kedua-dua ayat belum lengkap kerana belum dilaksanakan sepenuhnya dan ini dilihat tanpa kehadiran kata bantu.

Dari segi ketepatan masa (*punctuality*), kata kerja *berjamu* dalam ayat (13) menunjukkan aksi telah dilakukan dan penerima telah menerima kesan aksi tersebut dengan kata partikel *pun* menunjukkan penekanan, tetapi tidak dalam ayat (33) kerana aksi baru diajak untuk dilaksanakan terhadap penerima. Kedua-dua ayat mempunyai tujuan, iaitu *berjamu* dan *perjamu*. Oleh itu, aksi lebih rela atau volisional. Kedua-dua ayat menunjukkan nada yang positif yang mengesahkan aksi dilaksanakan. Mod aksi dalam kedua-dua ayat juga adalah *nyata*. Dalam ayat (13), agen dan aksi dan penerima adalah *nyata*, begitu juga aksi dan penerima dalam ayat (33). Komponen agensi dalam ayat (13) adalah tinggi kerana agen dan *patient* atau penerima ialah manusia berbanding dengan ayat (33) walaupun penerima ialah manusia, iaitu KGND1, tetapi ayat ini tiada agen. Komponen keberkesanan O dan keindividualan O adalah rendah kerana ayat ini tidak terlibat dalam komponen ini. Oleh itu, dapatlah dikatakan darjah transitiviti adalah tinggi dalam ayat (13) berbanding dengan ayat (33) dengan nisbah frekuensinya 6:4.

Kedua-dua klausa ini, mempunyai status AT kerana mempunyai susunan struktur agen + kata kerja + penerima (*Agent + Verb + Patient*) dan merupakan ayat transitif.

## Pasangan ayat 2

- (14) HSR        805:1 sebenarnyalah patik akan **bermulia** paduka...  
 (34) HSR        288:7 Mulia Raja dan peliharakan candi ayahanda dan  
**permulia** dan bakti-bakti akan...

**Jadual 2** Perbandingan transitiviti kosa kata *mulia*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>bermulia</b>	√	X	X	X	√	√	√	√	√	√	7
<b>permulia</b>	X	X	X	X	√	√	X	X	X	X	2

Berdasarkan ayat (14), terdapat dua peserta, iaitu *patik* (KGND1) sebagai agen dan penerima ialah *paduka*, manakala dalam ayat (34), tiada terdapat peserta. Dalam kedua-dua ayat aksi tidak melibatkan pemindahan objek. Aksi tidak *atelik* dalam ayat (14) kerana kehadiran kata bantu *akan* menunjukkan aksi belum sempurna dilaksanakan. Ayat (34) juga tidak *atelik*. Kedua-dua ayat juga tidak *tepat masa* dan ini dapat dilihat pada aksi kata kerja itu sendiri. Volisionaliti adalah tinggi bagi kedua-dua ayat kerana aksi mempunyai tujuan. Komponen afirmasi juga tinggi bagi kedua-dua ayat kerana aksi dalam nada positif dan lebih mengiakan. Mod tinggi dalam ayat (14) kerana acara (*event*) berlaku dalam dunia sebenar, memandangkan agen, aksi, dan penerima adalah nyata, tetapi dalam ayat (34) mod adalah rendah kerana tidak nyata. Dari segi agensi, ayat (14) mempunyai kesan yang baik dalam pemindahan aksi kerana agen ialah manusia, berbanding ayat (34) yang tidak mempunyai agen. Keberkesanan O tinggi dalam kedua-dua ayat, iaitu aksi itu sudah dilaksanakan. Keindividualan O adalah tinggi dalam ayat (14), tetapi tidak dalam ayat (34).

Dalam ayat (14), dapat dilihat mempunyai bentuk AT berdasarkan kategori Cumming kerana susunan strukturnya ialah kata nama + kata bantu + kata kerja + frasa nama. Dalam ayat (34), pula mempunyai bentuk PT kerana klausa ini tidak mempunyai agen dan susunan struktur kata kerja + frasa nama.

### Pasangan ayat 3

- (15) HSR        462:9 ...mau mengembalikan isteri hamba, kenapa kita **berbinasa** nyawa orang
- (35) HSR        418:3 Hendaklah engkau suruh **perbinasa** titian itu...

Dalam ayat (15) dan (35), terdapat dua orang peserta yang terlibat, iaitu *kita* (KGND1) sebagai agen dan *nyawa orang* sebagai penerima dalam

**Jadual 3** Perbandingan transitiviti kosa kata *binasa*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>berbinasa</b>	√	√	X	√	√	√	√	√	√	X	8
<b>perbinasa</b>	√	√	X	√	√	√	√	√	√	X	8

ayat (15), manakala dalam ayat (35), *engkau* (KGND2) sebagai agen dalam ayat (35) dan *titian* sebagai penerima, maka transitiviti adalah tinggi dalam kedua-dua ayat. Aksi melibatkan pemindahan objek menjadikan aksi lebih berkesan dalam kedua-dua ayat. Komponen aspek adalah rendah dalam ayat (35) dengan wujudnya klausa *hendaklah engkau suruh* menunjukkan aksi belum dilaksanakan menjadikan ayat ini *atelik*. Begitu juga dalam ayat (15) dengan wujudnya klausa *mau mengembalikan isteri*. Ketepatan masa adalah tinggi dalam kedua-dua ayat berdasarkan aksi kata kerja itu, iaitu *berbinasa* dan *perbinasa* menunjukkan tiada penangguhan dilakukan yang membawa kesan aksi kepada penerima. Kedua-dua ayat juga menunjukkan aksi mempunyai tujuan dan sebab itu volisionaliti adalah tinggi. Afirmasi ayat (15) dan (35) juga tinggi kerana berada dalam nada positif. Mod kedua-dua ayat tinggi kerana acara berlaku dalam dunia sebenar. Hal ini dapat dilihat dalam ayat (15) dan ayat (35) yang mempunyai agen *nyata* dan penerima (objek) ialah *tidak nyata*. Dari segi agensi, ayat (15) dan (35) mempunyai transitiviti yang tinggi kerana agen dalam ayat (15) *kita* (KGND1) dan dalam ayat (35) *engkau* (KGND2) ialah animat, menjadikan pemindahan aksi lebih berkesan. Komponen keberkesanan O tinggi dalam kedua-dua ayat kerana objek ayat mendapat kesan daripada aksi dan dapat disempurnakan. Keindividualan O adalah rendah bagi kedua-dua ayat.

Berdasarkan kedua-dua klausa, dapat dilihat ayat (15) bentuk AT yang mempunyai susunan Agen + Aksi (verb) + Objek. Ayat (35) juga berbentuk AT kerana terdapat dua kata kerja berurutan (*serial verb*) seperti yang digariskan dalam Kategori Cumming, iaitu agen *engkau* ialah argumen kepada kata kerja *suruh* dan *perbinasa*.

#### Pasangan ayat 4

- (16) HSR        25:8 ...,maka maharaja Balikasya pun **berbaiki** negeri Baruhasyapurwa.

**Jadual 4** Perbandingan transitiviti kosa kata *baiki*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>berbaiki</b>	√	X	√	√	√	√	√	√	X	X	7
<b>perbaiki</b>	√	X	√	√	√	√	√	√	X	X	7

- (36) HSR        64:5 ...sana patik nanti. Adapun sri maharaja **perbaiki** kota negeri ini baik-baik.

Menerusi perbandingan ayat (16) dan (36), masing-masing terdapat dua peserta, iaitu *maharaja Balikasya* sebagai agen dan *negeri Baruhasyapurwa* sebagai penerima dalam ayat (16), manakala dalam ayat (36) *sri maharaja* sebagai agen dan *kota negeri* sebagai penerima. Kedua-dua ayat mempunyai kinesis yang rendah kerana tidak melibatkan pemindahan objek. Kedua-dua ayat menunjukkan aspek yang tinggi menunjukkan aksi telah lengkap *telik*. Kedua-dua ayat menunjukkan ketepatan masa yang tinggi kerana tiada penangguhan antara aksi yang dilakukan dan aksi memberikan kesan segera kepada penerima (objek) *negeri Baruhasyapurwa* dalam ayat (16) dan *kota negeri* dalam ayat (36).

Volisionaliti juga tinggi dalam ayat (16), iaitu pihak agen bertindak dengan bertujuan menggunakan aksi *berbaiki*. Oleh sebab itu, aksi berlaku dengan lebih rela. Begitu juga dalam ayat (36), aksi *perbaiki* menunjukkan agen melakukan sesuatu dengan bertujuan dan ini meninggalkan kesan terhadap penerima *kota negeri*. Kedua-dua ayat menunjukkan komponen afirmasi yang tinggi kerana ayat (16) dan (36) menunjukkan aksi dalam nada positif dan ini lebih mengiakan. Ayat (16) dan (36) menunjukkan mod wujud dalam alam nyata. Kesemua agen, aksi dan penerima adalah benar nyata dan acara berlaku dalam dunia sebenar. Agensi dalam ayat (16) adalah tinggi kerana agen ialah manusia, iaitu *maharaja Balikasya* dapat memberikan kesan yang tinggi kepada penerima *negeri Baruhasyapurwa* walaupun bukan haiwan atau manusia dalam pemindahan aksi. Hal yang sama berlaku dalam ayat (36), agen ialah manusia, iaitu *sri maharaja* memberikan kesan kepada penerima *kota negeri* dalam pemindahan aksinya. Kedua-dua ayat tiada ciri komponen keberkesanan O. Objek dalam ayat (16) dan (36) juga tidak mempunyai keindividualan O yang tinggi.

Berdasarkan klausa yang mengandungi awalan *ber-* dan *per-*, didapati ayat (16) dan (36) ini berstatus AT kerana mempunyai susunan struktur yang sama agen + kata kerja + penerima dan merupakan ayat transitif.

### Pasangan ayat 5

- (17) HSR            375:6 “Apa bicara kita baikkah, kita **berlepas** diri atau baikkah kita”  
 (37) HSR            361:9 ...dapatkan Kalawadata dengan bala tentera kita dan **perlepas** ia daripada tangan sang...

**Jadual 5** Perbandingan transitiviti kosa kata *lepas*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>berlepas</b>	√	√	X	√	√	√	√	√	√	√	9
<b>perlepas</b>	X	√	X	√	√	√	√	X	√	√	7

Terdapat dua orang peserta yang terlibat dalam ayat (17), iaitu agen *kita* (KGND1) dan penerima *diri* berbanding ayat (37) yang hanya mempunyai penerima, iaitu *ia* (KGND3). Oleh itu, ayat (17) adalah tinggi dalam komponen peserta. Ayat (17) dan (37) juga tinggi dalam komponen kinesis kerana aksi *berlepas* dan *perlepas* boleh dipindahkan daripada satu orang kepada orang yang lain. Aksi dalam ayat (37), iaitu *berlepas* menunjukkan ayat ini belum dilaksanakan dan *perlepas* menunjukkan akan dilaksanakan. Oleh itu, komponen aspek rendah bagi kedua-dua ayat. Dari segi ketepatan masa, kedua-dua ayat adalah tinggi kerana aksi terus sahaja dijalankan dan tidak ditangguhkan dalam melaksanakan. Komponen volisionaliti juga tinggi bagi ayat (17) dan (37) kerana agen bertindak dengan bertujuan meninggalkan kesan kepada penerima, iaitu *diri* dalam ayat (17) dan *ia* dalam ayat (37). Ayat (17) dan (37) mempunyai afirmasi yang tinggi kerana aksi berada dalam nada positif dan menunjukkan aksi lebih mengiakan. Agen dalam ayat (17), iaitu *kita* (KGND1) ialah manusia dan mempunyai kesan yang baik dalam pemindahan aksi menyebabkan agensi tinggi dalam ayat ini, manakala ayat (37) rendah agensinya lantaran tiada agen dalam ayat ini. Keberkesanan O adalah tinggi dalam kedua-dua ayat kerana objek kedua-dua ayat mendapat kesan apabila aksi dilakukan. Keindividualan O juga tinggi dalam kedua-dua ayat dengan nisbah 4:4.

Mengikut Kriteria Cumming, ayat (17) mempunyai bentuk AT kerana mempunyai struktur Agen + Kata Kerja + Penerima dan ayat (37) dengan bentuk PT kerana tiada agen dalam ayat ini.

### Pasangan ayat 6

- (18) HMH 37:505 ..., maka Ali Akbar **bertetap** dirinya..Maka Ali Akbar mengeluarkan cokmarnya.  
 (38) HMH 6:23 maka sabda rasul Allah pada A ‘isyah:”Ya A ‘isyah!

**Pertetap** hatimu, bahwa ini suatu minuman...

**Jadual 6** Perbandingan transitiviti kosa kata *tetap*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>bertetap</b>	√	X	√	√	√	√	√	√	√	√	9
<b>pertetap</b>	√	X	X	X	√	√	X	√	√	√	6

Menerusi ayat (6) dan (26), terdapat dua peserta, iaitu *Ali Akbar* sebagai agen dan penerima *dirinya* dalam ayat (6), manakala dalam ayat (26), agen ialah *A’isyah* dan penerima *hatimu*. Komponen kinesis adalah rendah dalam ayat (6) dan (26) kerana aksi tidak boleh dipindahkan dan merujuk aksi kata kerja itu sendiri. Aksi tidak *atelik* dalam ayat (26) kerana aksi sedang dilakukan, tetapi aksi dalam ayat (6) adalah *telik* kerana sudah selesai dilaksanakan. Hal ini dapat dilihat pada klausa *maka Ali Akbar mengeluarkan cokmarnya* menunjukkan agen sudah bertetap dirinya baru aksi seterusnya dilakukan. Begitu juga komponen ketepatan masa adalah tinggi dalam ayat (6) berbanding ayat (26). Aksi dilaksanakan tanpa penangguhan dalam ayat (6), tetapi aksi tidak mempunyai kesan terhadap penerima kerana prosesnya masih berlaku dan belum sempurna menerusi aksi kata kerja *pertetap*, iaitu baru diminta tetapkan hati. Volisionaliti tinggi dalam kedua-dua ayat kerana agen mempunyai tujuan dan meninggalkan kesan kepada penerima. Afirmasi juga tinggi dalam ayat (6) dan (26). Mod tinggi dalam ayat (6) kerana aksi adalah yang sebenar, tetapi dalam ayat (26) aksi adalah *tidak nyata*. Agensi tinggi dalam kedua-dua ayat kerana kedua-dua agen ialah manusia dan kesan yang baik dalam pemindahan aksi. Keberkesanan O adalah tinggi dalam ayat (6) dan (26) kerana objek dalam kedua-dua ayat, iaitu *dirinya* dan *hatimu* mendapat kesan sepenuhnya sekiranya aksi dipindahkan. Begitu juga keindividualan

O dalam kedua-dua ayat juga tinggi kerana objek ialah manusia (KGND), konkrit, mufrad, boleh dibilang, dan dirujuki.

Ayat (6) berbentuk ST kerana kata kerja *bertetap* ialah berbalas (*reciprocal*), manakala ayat (26) ialah PT dan lebih nampak intransitifnya melalui kata kerja yang digunakan *pertetap*.

### Pasangan ayat 7

- (7) HSR 418:2 Rawana, “Hai anakku Gangga Mahasura, Sri Rama **berbuat** titian menambak laut,
- (27) HSR 215:13 ...sudah hangus maka disuruh Maharaja Maharata **perbuat** suatu candi emas

**Jadual 7** Perbandingan transitiviti kosa kata *buat*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>berbuat</b>	√	√	X	√	√	√	√	X	√	√	8
<b>perbuat</b>	√	√	X	√	√	√	X	X	√	X	6

Ayat (7) dan (27) mempunyai dua peserta, iaitu *Sri Rama* dan *titian* sebagai agen dan penerima dalam ayat (7), manakala *Maharaja Maharata* dan *suatu candi emas* sebagai agen dan penerima dalam ayat (27). Agen kedua-dua ayat ialah kata nama atau animat dan penerima bukan manusia. Kinesis adalah tinggi dalam kedua-dua ayat kerana aksi boleh dipindahkan. Aspek adalah rendah dalam kedua-dua ayat kerana berdasarkan konteks, aksi ini *atelik*. Ketepatan masa tinggi dalam kedua-dua ayat menunjukkan tiada penangguhan dalam aksinya. Volisionaliti juga tinggi dalam ayat (7) dan (27) kerana agen bertindak dengan bertujuan meninggalkan kesan kepada penerima. Afirmasi juga tinggi kerana nada kedua-dua ayat adalah positif. Hal dalam ayat (7) merupakan realiti menjadikan mod adalah tinggi. Dalam ayat ini, agen, aksi, dan penerima semuanya adalah benar nyata. Dalam ayat (27), agen, aksi adalah *nyata* tetapi penerima ialah *suatu perkara*. Dalam ayat (7), agen ialah animat, iaitu *Sri Rama*, tetapi penerima *titian* bukan animat. Begitu juga dalam ayat (27), agen ialah *Maharaja Maharata*, iaitu animat dan penerima bukan animat. Kedua-dua ayat ini rendah dalam agensi. Keberkesanan O adalah tinggi dalam kedua-dua ayat. Keindividualan O dalam ayat (7) adalah tinggi berbanding ayat (27) dengan nisbah 4:2. Objek *titian menambak laut* ialah konkrit, mufrad,

boleh dibilang, dirujuki dan objek *suatu candi emas* ialah mufrad, konkrit tetapi tidak boleh dibilang dan dirujuki.

Ayat (7) dan (27) mempunyai bentuk AT. Walaupun kebanyakan awalan *ber-* mempunyai bentuk ST, tetapi apabila awalan *ber-* digabungkan pada kata kerja transitif *buat* akan menjadi bentuk AT. Kedua-dua ayat mempunyai susunan Agen + Kata Kerja + Penerima.

### Pasangan ayat 8

- (8) HSR 675:2 kita mengadu ra'yat dahulu kemudian maka kita **bertemukan** diri kita dan senjata...
- (28) HSR 237:10 ...lentang ke langit lalu berkata, "Ya tuhanku, **pertemukan** kiranya hambamu dengan...

**Jadual 8** Perbandingan transitiviti kosa kata *temukan*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>bertemukan</b>	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7
<b>pertemukan</b>	X	X	X	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	5

Ayat (8) mempunyai dua peserta, iaitu agen *kita* (KGND1) dan penerima (*patient*) *diri kita* (KGND1) menjadikan ayat ini tinggi komponen pesertanya. Ayat ini mempunyai kata kerja timbal balik (*reciprocal*). Kedua-duanya ialah animat. Walau bagaimanapun dalam ayat (28), tiada agen yang hadir dan hanya mempunyai penerima, iaitu *hambamu* (KGND1) yang merupakan animat. Kinesis rendah dalam kedua-dua ayat kerana aksi tidak boleh dipindahkan. Aspek juga rendah kerana aksi belum dilaksanakan dengan sempurna dan tidak tepat masa. Aksi lebih volisional dalam ayat (8) dan (28). Kedua-dua ayat mempunyai nada positif dan berlaku dalam dunia sebenar menjadikan mod adalah *nyata*. Agensi tinggi dalam ayat (8) kerana agen kita ialah manusia, tetapi ayat (28) agensi rendah kerana tiada agen dalam ayat ini. Keberkesanan O dan keindividualan O tinggi dalam kedua-dua ayat kerana objek mendapat kesan sepenuhnya sekiranya aksi dilaksanakan.

Ayat (8) mempunyai bentuk AT dan ayat (28) ialah ayat intransitif dan berbentuk PT kerana tiada objek yang hadir dalam ayat ini.

### Pasangan ayat 9

- (9) HIP            166:4 ...setelah Indraputra sudah mandi maka ia **bersalin** kain lalu pergi.  
 (29) HIP            168:24 ...setelah itu maka Raja Syahsyian memberi **persalin** akan Indraputra dengan pakaian yang indah-indah.

**Jadual 9** Perbandingan transitiviti kosa kata *salin*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>bersalin</b>	√	√	√	√	√	√	√	X	√	X	8
<b>persalin</b>	√	√	X	√	√	√	√	√	√	√	9

Menerusi ayat (9) dan (29), terdapat dua peserta yang terlibat. Dalam ayat (9), agen *ia* (KGND3) dan *kain* sebagai penerima, manakala dalam ayat (29), agen ialah *Raja Syahsyian* dan *Indraputra* sebagai penerima. Kinesis dalam ayat (9) dan (29) adalah tinggi kerana kedua-dua aksi melibatkan pemindahan objek bukannya keadaan. Ayat (9) tinggi dalam komponen aspek kerana aksi telah lengkap *telik*. Hal ini dapat dilihat berdasarkan aksi *bersalin* itu sendiri, manakala ayat (29) tidak lengkap *atelik* kerana aksi sedang dilakukan. Tiada penangguhan dalam kedua-dua ayat dan penerima menerima kesan aksi tersebut menjadikan ayat (9) dan (29) tinggi ketepatan masanya. Volisionaliti juga tinggi dalam ayat (9) dan (29) kerana kedua-dua ayat menunjukkan pihak agen bertindak dengan bertujuan menyebabkan penerima menerima kesannya. Kedua-dua ayat juga berada dalam nada positif dan aksinya lebih mengiakan menjadikan afirmasinya tinggi. Komponen mod juga tinggi dalam ayat (9) dan (29) kerana acara tersebut berlaku dalam dunia sebenar dan bukannya khayalan. Mod aksi dalam kedua-dua ayat tersebut adalah *nyata*. Dalam ayat (9), agen *ia* manusia dan penerima *kain* bukan haiwan. Keadaan ini meninggalkan kesan kepada pemindahan aksi. Ayat (9) rendah dalam agensi, manakala dalam ayat (29), agen *Raja Syahsyian* ialah animat dan begitu juga penerima *Indraputra* menyebabkan pemindahan aksi lebih berkesan. Ayat ini tinggi dalam agensi. Keberkesaan O adalah tinggi dalam kedua-dua ayat kerana aksi dilakukan dengan penuh berkesan. Objek atau penerima dalam ayat (9) mempunyai keindividualan O yang rendah berbanding ayat (29) dengan nisbah 5:6.

Ayat (9) mempunyai bentuk AT dan struktur Agen + Kata Kerja + Penerima. Ayat (29) juga berbentuk AT kerana ayat ini memenuhi Kriteria Cumming tentang bentuk AT, iaitu mempunyai kata kerja berurutan dan terdapatnya kata bantu *akan* selepas kata kerja dan frasa nama *Indraputra* mengikuti kata kerja selepas kata bantu *akan*.

### Pasangan ayat 10

- (10) HSR 511:7 Dari mana gerang Patala Maharayan ini **beroleh** hulubalang kera ini?  
 (30) HSR 369:2 ...jadi sia-sialah, nama kita, nama jahat pun kita **peroleh**.

**Jadual 10** Perbandingan transitiviti kosa kata *oleh*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>beroleh</b>	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7
<b>peroleh</b>	✓	X	X	X	X	X	X	X	✓	X	2

Menerusi ayat di atas, terdapat dua peserta yang terlibat dalam ayat (10) dan (30), iaitu agen *Patala Maharayan* dan penerima *hulubalang kera*, manakala agen dalam ayat (30) ialah *kita* (KGND1), dan penerima *nama jahat*. Dari segi kinesis dalam kedua-dua ayat, kata kerja *beroleh* dan *peroleh* bukanlah aksi, tetapi keadaan yang tidak boleh dipindahkan. Komponen aspek bagi kedua-dua ini tidak lengkap kerana tiada kata bantu yang hadir untuk menunjukkan aksi lengkap disempurnakan. Ayat (10) tidak menunjukkan ketepatan masa yang tinggi kerana aksi tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap penerima. Keadaan yang sama berlaku dalam ayat (30). Dalam ayat (10), kata kerja *beroleh* menunjukkan agen melakukan sesuatu dengan bertujuan. Oleh itu, aksi lebih rela. Ayat (30) adalah kurang volisional berbanding ayat (10). Dalam ayat (10) menunjukkan nada positif dan lebih mengiakan berbanding ayat (30) kerana berada dalam nada negatif memandangkan sesuatu yang jahat diperoleh menjadikan aksi tidak diiakan. Dalam ayat (10), agen, aksi, penerima adalah benar *nyata* dan *hal* berlaku dalam dunia sebenar. Walau bagaimanapun, agen, dan aksi adalah *nyata* dalam ayat (30), tetapi penerima satu perkara bukan objek atau animat menjadikan nada *hal* adalah bukan sebenar tidak nyata.

Agen ialah animat dan begitu juga penerima dalam ayat (10), menyebabkan pemindahan aksi lebih berkesan. Ayat ini dikatakan tinggi dalam agensi berbanding ayat (30). Dalam ayat (30), agen kita (KGND1) ialah animat, tetapi penerima bukan animat atau bukan manusia menjadikan ayat ini rendah dalam agensi. Dari segi keberkesanan O, aksi dapat disempurnakan dengan penuh berkesan dalam ayat (10) seperti yang ditunjukkan oleh aksi *beroleh* dan penerima *hulubalang kera*. Begitu juga dalam ayat (30), aksi dapat disempurnakan oleh aksi *peroleh* dan objek *nama jahat*. Keindividualan O dalam ayat (10) adalah tinggi kerana unsur penerima *hulubalang kera* tinggi berbanding objek *nama jahat*.

Struktur ayat (10) mempunyai status AT, manakala ayat (30) berbentuk PT kerana mempunyai susunan struktur Penerima + Agen + Kata Kerja.

### Pasangan ayat 11

- (11) HSR 539:10 Indrajit datang maka Maharaja Rawana menangis **bercintakan** anakda baginda.  
 (31) HSR 231:10 ...hanya meninggalkan tuan putri ini juga hamba **percintakan**.

**Jadual 11** Perbandingan transitiviti kosa kata *cintakan*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>bercintakan</b>	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	9
<b>percintakan</b>	✓	✓	X	X	✓	X	X	✓	X	X	4

Kedua-dua ayat, ayat (11) mempunyai dua peserta, iaitu agen *Maharaja Rawana* dan penerima *anakda baginda*. Ayat (31) juga mempunyai dua peserta, iaitu agen *hamba* dan penerima *tuan putri*. Oleh itu, peserta tinggi dalam kedua-dua ayat. Dari segi kinesis, kedua-dua kata kerja bukannya aksi, tetapi keadaan tidak boleh dipindahkan. Kata kerja *bercintakan* dalam ayat (11) dan *percintakan* dalam ayat (31), tidak boleh dipindahkan daripada satu individu kepada yang lain. Oleh itu, kinesis dalam kedua-dua ayat adalah rendah. Komponen aspek adalah tinggi dalam ayat (11) dan dapat dilihat melalui aksi kata kerja *bercintakan* dan perbuatan *menangis* menunjukkan aksi telah lengkap *telik*. Aspek dalam ayat (31), walau bagaimanapun rendah kerana aksi tidak *atelik*. Dari segi

ketepatan masa adalah tinggi dalam ayat (11) kerana kata kerja *bercintakan* mempunyai kesan yang signifikan terhadap penerima, tetapi tidak dalam ayat (31). Volisionaliti adalah tinggi dalam kedua-dua ayat kerana kata kerja *bercintakan* dan *percintakan* menunjukkan agen sedang melakukan sesuatu dengan bertujuan dan aksi lebih rela. Afirmasi dalam kedua-dua ayat adalah rendah kerana aksi dalam nada negatif. Mod dalam ayat (11) adalah tinggi kerana acara berlaku dalam dunia sebenar, tetapi dalam ayat (31), mod adalah rendah kerana acara bukan sebenar tidak nyata. Agen dan penerima ialah animat bagi kedua-dua ayat dan dapat meninggalkan kesan kepada pemindahan aksi. Oleh itu, agensi adalah tinggi dalam kedua-dua ayat. Keberkesanan O adalah tinggi bagi ayat (11) kerana objek mendapat kesan apabila aksi dipindahkan, tetapi tidak dalam ayat (31) dan keberkesanan O adalah rendah dan keindividualan O juga tinggi dalam kedua-dua ayat dengan agen manusia, konkrit, mufrad, boleh dibilang dan dirujuki dengan nisbah 6:6.

Struktur ayat (11) mempunyai status AT, manakala ayat (31) berbentuk PT kerana mempunyai susunan struktur Penerima + Agen + Kata Kerja.

### Pasangan ayat 12

- (12) HSR        25:9     Balikasya pun berbaiki negeri Biruhasya purwa  
                        dan **bertentukan** segala ra'yat.  
(32) HSR        378:8    ...tiga buah negeri ini sekaliannya tuan hambalah  
                        **pertentukan** dan tuan hamba...

**Jadual 12** Perbandingan transitiviti kosa kata *tentu*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>bertentukan</b>	√	X	√	√	√	√	√	√	√	√	9
<b>pertentukan</b>	X	X	X	X	√	√	X	X	X	X	2

Menerusi ayat (12) dan (32), dua peserta yang terlibat, iaitu agen *Balikasya* dan penerima *segala ra'yat*, manakala ayat (32), agen ialah *tuan hamba* dan penerima *tiga buah negeri*. Kedua-dua agen ialah animat dan penerima dalam ayat (12) juga animat, tetapi tidak dalam ayat (32). Oleh itu, peserta rendah dalam ayat (32). Komponen kinesis rendah dalam kedua-dua ayat

kerana aksi tidak boleh dipindahkan. Dari segi aspek, aksi dalam ayat (12) telah dilakukan dengan sempurna *telik* dan ini dapat dilihat dalam ayat tersebut, iaitu aksi telah lengkap, tetapi dalam ayat (32), aksi adalah *atelik* kerana agen baru diminta untuk membuat aksi tersebut menjadikan aspek ayat ini rendah. Dalam komponen ketepatan masa keadaan yang sama berlaku. Volisionaliti tinggi dalam kedua-dua ayat kerana aksi mempunyai tujuan dan meninggalkan kesan kepada penerima. Nada positif dalam kedua-dua ayat dan berlaku dalam dunia sebenar. Mod tinggi dalam ayat (12) kerana agen, aksi dan penerima adalah *nyata* tetapi agen, aksi *nyata* dalam ayat (32), yang merupakan objek bukan animat menjadikan mod ayat ini rendah. Hal yang sama berlaku dalam komponen agensi. Keberkesanan O dan keindividualan O tinggi dalam ayat (12) dan rendah dalam ayat (32) dengan nisbah 5:4.

Berdasarkan struktur ayat (12), berstatus AT, manakala ayat (32) berbentuk PT kerana mempunyai susunan struktur Penerima + Agen + Kata Kerja.

### Pasangan ayat 13

- (13) HSR 281:6 ... ia didudukkan Sri Rama di atas Sugriwa. **Bermula** Sugriwa didudukkan...
- (33) HSR 380:10 ... negeri itu sekaliannya, dan peri ia daripada **permula** ia pergi itu semuhanya.

**Jadual 13** Perbandingan transitiviti kosa kata *mula*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>bermula</b>	X	X	X	X	√	√	√	X	X	√	4
<b>permula</b>	X	X	X	X	√	√	√	X	X	X	3

Dalam kedua-dua ayat tersebut hanya melibatkan seorang peserta, iaitu penerima dan tiada agen. Penerima dalam ayat (13) ialah *Sugriwa*, manakala *ia* (KGND 3) bertindak sebagai penerima dalam ayat (33). Kedua-dua penerima dalam ayat (13) dan ayat (33) merupakan animat. Oleh itu, peserta rendah dalam kedua-dua ayat. Dari segi kinesis, kedua-dua kata kerja bukanlah aksi, tetapi keadaan tidak boleh dipindahkan. Kata

kerja *bermula* dalam ayat (13) dan *permula* dalam ayat (33), tidak boleh dipindahkan daripada satu individu kepada yang lain. Oleh itu, kinesis dalam kedua-dua ayat adalah rendah. Komponen aspek juga rendah kerana kedua-dua ayat, kata kerja *bermula* dan *permula* itu sendiri menunjukkan aksi belum selesai tidak *atelik* dilaksanakan, iaitu baru dimulakan. Ayat (13) tidak menunjukkan ketepatan masa yang tinggi kerana aksi tidak menunjukkan kesan yang signifikan terhadap penerima. Keadaan yang sama berlaku dalam ayat (33). Volisionaliti dalam kedua-dua ayat adalah tinggi kerana kata kerja *bermula* dan *permula* menunjukkan aksi lebih rela. Dalam kedua-dua ayat mempunyai nada yang positif menjadikan komponen afirmasi adalah tinggi. Ayat (13) dan ayat (33) mempunyai mod yang tinggi kerana acara berlaku dalam dunia yang sebenar. Hal ini dapat dilihat pada penerima dan aksi adalah *nyata* dalam kedua-dua ayat. Agensi adalah rendah dalam ayat (13) dan ayat (33) kerana kedua-dua ayat tidak mempunyai agen. Dari segi keberkesanan O, aksi dalam kedua-dua ayat belum sempurna dilaksanakan dengan penuh berkesan seperti yang ditunjukkan oleh kata kerja *bermula* dan *permula* itu sendiri. Keindividualan O dalam ayat (13) adalah tinggi. Unsur penerima *Sugriwa* mempunyai darjah transitiviti yang tinggi kerana *ia* merupakan nama khas, manusia, konkrit, mufrad, boleh dibilang, dan dirujuki berbanding *ia* yang merupakan KGND3 yang bersifat umum, dan tidak boleh dirujuk. Oleh itu, darjah transitiviti dalam ayat (13) adalah lebih tinggi berbanding ayat (33) dengan nisbah frekuensinya 4:3.

Ayat (13) dan (33) mempunyai bentuk ST kerana dalam ayat (13) predikat terdiri daripada frasa nama, manakala ayat (33) terdapat frasa sendi nama *daripada* hadir sebagai sebahagian predikat ayat.

#### Pasangan ayat 14

- (14) HSR        205:6 Pada bicara sinda tiada mau sinda bertuan lain  
                    daripada yang **dipertuan**
- (34) HSR        696:12 akan sekarang yang dipertuanlah sinda sekalian  
                    **Pertuan**

Dalam kedua-dua ayat di atas, terdapat dua peserta yang terlibat, iaitu *sinda* sebagai agen dan penerima yang *dipertuan* dalam ayat (14). Dalam ayat (34) pula, *sinda* bertindak sebagai agen dan *yang dipertuanlah* bertindak sebagai penerima. Agen dan penerima dalam kedua-dua ayat merupakan animat, konkrit, dan boleh dirujuk. Oleh itu, peserta adalah tinggi dalam

**Jadual 14** Perbandingan transitiviti kosa kata *tuan*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
dipertuan	✓	X	X	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	6
pertuan	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7

ayat (14) dan ayat (34). Dari segi kinesis, kata kerja bukanlah aksi, tetapi keadaan menyebabkan kedua-dua ayat ini rendah kinesisnya. Dalam ayat (14), tindakan ialah *atelik* kerana penggunaan kata *tiada* dalam ayat menunjukkan tindakan tidak dilaksanakan. Begitu juga dalam ayat (34), tindakan belum dilaksanakan *atelik* berdasarkan kata bantu akan dalam ayat.

Terdapat penangguhan antara tindakan yang dilakukan dan penerima belum menerima kesan tindakan tersebut menjadikan ketepatan masa rendah dalam ayat (14) dan ayat (34). Volisionaliti ayat (14) dan ayat (34) adalah tinggi kerana kata kerja *bertuan* dan *pertuan* menunjukkan agen akan melakukan sesuatu dengan bertujuan. Oleh itu, tindakan lebih volisional. Kata *tiada* dalam ayat (14) menunjukkan nada adalah negatif dan tindakan tidak dilakukan menjadikan afirmasi ayat ini rendah. Afirmasi ayat (34) pula tinggi kerana nada positif dan lebih mengiakan. Acara kedua-dua ayat berlaku dalam dunia sebenar. Oleh itu, mod adalah tinggi kerana agen, tindakan, dan penerima adalah nyata. Agen dalam kedua-dua ayat, *sinda* merupakan KGND1, iaitu animat menjadikan pemindahan tindakan lebih baik kepada penerima yang *dipertuan* yang juga animat. Oleh itu, kedua-dua ayat dikatakan tinggi dalam agensi. Keberkesanan O dan keindividualan O adalah tinggi dalam kedua-dua ayat.

Berdasarkan susunan struktur ayat (14), bentuk ayat ini ialah ST kerana hadirnya frasa sendi nama *daripada* dalam predikat ayat ini. Ayat (34) mempunyai status PT kerana struktur ayat ini ialah Penerima + Agen + Kata Kerja.

### Pasangan ayat 15

- (15) HSR 313:9 ... pun terlalu sukacita sekali melihat kera itu **bersuci** tanaman itu.
- (35) HSR 313:5 yang luruh dan segata rantingnya yang patah itu **persuci** baik-baik olehmu

**Jadual 15** Perbandingan transitiviti kosa kata *suci*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>bersuci</b>	√	√	√	√	√	√	√	√	√	X	9
<b>persuci</b>	√	√	X	X	√	√	√	√	√	X	7

Dalam kedua-dua ayat terdapat dua peserta yang terlibat. Agen dan penerima dalam ayat (15) ialah *kera itu*, iaitu haiwan dan *tanaman itu* sebagai bukan haiwan. Dalam ayat (35) agen ialah *mu* (KGND2), iaitu enklitik dan penerima ialah *segala rantingnya*. Kinesis juga tinggi dalam kedua-dua ayat kerana aksi boleh dipindahkan. Aspek tinggi dalam ayat (15) kerana aksi *telik* tetapi rendah dalam ayat (35) kerana aksi belum lengkap tidak *telik* kerana seperti baru diminta untuk melakukan aksi tersebut. Ayat (15) adalah tepat masa kerana tiada penangguhan aksi dan memberikan kesan kepada penerima tetapi tidak dalam ayat (35). Aksi lebih rela dalam kedua-dua ayat kerana pihak agen bertindak dengan bertujuan. Oleh itu, volisionaliti adalah tinggi dalam ayat (15) dan ayat (35). Afirmasi adalah tinggi dalam ayat (15) kerana perkataan *sukacita* menunjukkan nada positif. Begitu juga keadaannya dalam ayat (35) kerana kata *baik-baik* menunjukkan nada adalah positif. Oleh itu, afirmasi adalah tinggi dalam ayat (35).

Mod adalah tinggi dalam ayat (15) dan ayat (35) kerana agen, penerima, dan aksi semuanya adalah benar *nyata* dan acara berlaku dalam dunia sebenar. Begitu juga dengan agensi adalah tinggi dalam kedua-dua ayat kerana agen dalam ayat (15) *kera itu* ialah haiwan dan *mu* (KGND2) ialah animat menjadikan pemindahan aksi lebih berkesan. Keberkesanan O adalah tinggi dalam ayat (15) dan ayat (35) kerana *tanaman itu* dan *segala rantingnya* ialah penerima dalam kedua-dua ayat menjadikan aksi sempurna dilaksanakan. Penerima *tanaman itu* dalam ayat (15) dan *segala rantingnya* dalam ayat (35) ialah umum, bukan manusia, konkret, jamak dan tidak boleh dibilang menjadikan keindividualan O rendah dalam kedua-dua ayat. Oleh itu, ayat (15) mempunyai transitiviti yang tinggi berbanding ayat (35) dengan nisbah frekuensinya 9:7.

Berdasarkan kedua-dua ayat, bentuk ayat (15) ialah AT kerana mempunyai susunan struktur ayat Agen + Kata Kerja + Penerima. Status ayat (35) pula ialah PT kerana mempunyai susunan struktur Penerima + Kata Kerja + Agen.

### Pasangan ayat (16)

- (16) HSR 4:9 mau hamba **bersembahkan** dia kepada tuan hamba  
 (36) HSR 78:4 maka disuruhnya membawa surat **persembahkan**  
 kepada Sardula

Jadual 16 Perbandingan transitiviti kosa kata *sembahkan*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>bersembahkan</b>	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	10
<b>persembahkan</b>	X	√	√	√	√	X	X	X	√	X	5

Komponen peserta tinggi dalam ayat (16) kerana terdapat dua peserta, iaitu agen *hamba* dan penerima *dia* ialah kata nama dan animat berbanding ayat (36) yang tiada agen dan penerima *surat* ialah bukan manusia menjadikan komponen peserta rendah. Kinesis tinggi dalam kedua-dua ayat kerana aksi boleh dipindahkan. Aksi adalah *telik* dan tepat masa dalam kedua-dua ayat seperti yang terkandung dalam kata kerja *bersembahkan* dan *persembahkan* itu sendiri. Volisionaliti tinggi dalam kedua-dua ayat kerana aksi dilakukan dengan bertujuan. Afirmasi juga tinggi kerana aksi dalam nada positif. Acara berlaku dalam dunia sebenar dalam ayat (16) kerana agen, aksi dan penerima adalah nyata. Penerima dia (KGND3) ialah individu, iaitu animat, konkrit, mufrad, boleh dibilang dan definit. Oleh sebab itu, keberkesanan O tinggi dalam ayat (16), tetapi ayat (36) tiada agen, penerima bukan animat menjadikan ayat ini rendah dalam afirmasi kerana acara bukan sebenar *tidak nyata*. Agensi adalah tinggi dalam ayat (16), tetapi tidak dalam ayat (36) yang tidak mempunyai agen. Keberkesanan O adalah tinggi dalam kedua-dua ayat. Aksi *bersembahkan* dan *persembahkan* dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dari segi keindividualan O, penerima dalam ayat (16) mempunyai sifat yang tinggi berbanding ayat (36) kerana penerima *dia* (KGND3) ialah manusia berbanding dengan penerima *surat* dalam ayat (36) yang bukan manusia. Oleh itu, ayat (16) mempunyai transitiviti yang tinggi berbanding dengan ayat (36).

Struktur ayat (16) berstatus AT kerana mempunyai struktur Agen + Kata Kerja + Penerima, manakala ayat (36) berbentuk PT kerana tidak mempunyai agen.

### Pasangan ayat 17

- (17) HSR 169:2 ...datang kepada suatu hari Maharesi Kala sedang **bertapa** di dalam laut...
- (37) HSR 725:2 ...yang baik rupa dalam alam ini dan pendeta yang **pertapa** dan siapa yang budiman.

**Jadual 17** Perbandingan transitiviti kosa kata *tapa*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>bertapa</b>	X	X	X	X	√	√	X	√	X	X	3
<b>pertapa</b>	X	X	X	X	√	√	X	√	X	X	3

Ayat (17) dan (37) hanya mempunyai agen tanpa penerima, iaitu *Maharesi Kala* dan *pendeta*. Kedua-duanya ialah animat. Komponen kinesis juga rendah kerana aksi ialah keadaan dalam kedua-dua ayat. Ayat (17), aksi sedang dijalankan. Kata bantu *sedang* menunjukkan aksi belum sempurna. Begitu juga dalam ayat (37), kedua-dua ayat *telik*. Aksi tidak mempunyai kesan terhadap penerima. Oleh itu, ketepatan masa juga rendah. Kata kerja *bertapa* menunjukkan agen sedang melakukan aksi dengan bertujuan. Oleh itu, aksi lebih volisional. Keadaan yang sama berlaku dalam ayat (37). Aksi juga berlaku dalam nada positif dalam kedua-dua ayat. Oleh itu, afirmasi adalah tinggi. Mod dalam kedua-dua ayat adalah rendah kerana acara ialah khayalan. Oleh sebab agen kedua-dua ayat ialah animat, maka agensi adalah tinggi dalam ayat (17) dan (37). Keberkesanan O dan keindividualan O adalah rendah dalam kedua-dua ayat kerana ayat ini tiada objek.

Ayat (17) berbentuk ST kerana kata sendi nama hadir dalam ayat ini sebagai predikat dalam ayat selepas kata kerja. Begitu juga ayat (37) berbentuk ST kerana kata hubung *yang* hadir untuk menghubungkan penerang dalam ayat.

### Pasangan ayat 18

- (18) HSR 250:7 Maka Bali Raja pun naik ke istana lalu *berkata* kepada Sugriwa, “Hai...
- (38) HSR 5:13 ..., karena dipinjaminya juga kerajaan itu dan **perkata** benar dan jangan...

**Jadual 18** Perbandingan transitiviti kosa kata *kata*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>berkata</b>	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	10
<b>perkata</b>	X	X	X	X	X	√	X	X	√	X	2

Ayat (18) mempunyai dua peserta yang terlibat, iaitu *Bali Raja* sebagai agen dan *Sugriwa* sebagai penerima. Ayat (38) mengandungi penerima benar, tetapi tiada agen yang terlibat. Hal ini menjadikan ayat (18) lebih tinggi pesertanya berbanding ayat (38). Kinesis tinggi dalam ayat (18) kerana aksi *berkata* boleh dipindahkan kepada penerima tetapi tidak dalam ayat (38) kerana tiada agen yang boleh memindahkan aksi dalam ayat ini. Aksi dalam ayat (18) lengkap *telik* dilaksanakan, tetapi ayat (38) belum sempurna dilaksanakan *atelik* kerana masih dalam proses pelaksanaan. Begitu juga dari segi ketepatan masa, ayat (18) mempunyai ketepatan masa yang tinggi berbanding ayat (38). Hal ini boleh dilihat melalui klausa *maka Bali Raja pun naik ke istana lalu berkata* menunjukkan aksi terus dilaksanakan dan tiada penangguhan.

Volisionaliti tinggi dalam ayat (18) kerana agen bertindak dengan bertujuan, iaitu *berkata* kepada *Sugriwa*, tetapi tidak dalam ayat (38). Kedua-dua ayat berada dalam nada positif. Oleh itu, afirmasi adalah tinggi dalam kedua-dua ayat. Mod tinggi dalam ayat (18) berbanding ayat (38) kerana agen, penerima, dan aksi semuanya *nyata* dan acara juga dalam dunia sebenar. Oleh sebab ayat (38) tiada agen menjadikan ayat ini rendah agensinya berbanding ayat (18) yang mempunyai agen *Bali Raja* yang boleh meninggalkan kesan lebih baik dalam pemindahan aksi. Keberkesanan O tinggi dalam kedua-dua ayat. Keindividualan O tinggi dalam ayat (18) berbanding ayat (38) kerana penerima dalam ayat (18) ialah *Bali Raja*, iaitu animat, konkrit, kata nama khas, definit, dan mufrad. Oleh itu, ternyata ayat (18) mempunyai transitiviti yang tinggi berbanding ayat (38) dengan nisbah frekuensinya 10:2.

Kedua-dua ayat, ayat (18) berbentuk ST kerana terdapatnya kata sendi nama *kepada* dalam ayat ini, manakala ayat (38) berbentuk ST kerana tidak mempunyai agen.

### Pasangan ayat 19

- (19) HSR 741:11 ...maka sekah peristiwa dua orang budak itu **bermain** buah deli.  
 (39) HSR 149:10 maka ada seorang budak bongkok **permain** mandudari

**Jadual 19** Perbandingan transitiviti kosa kata *main*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>bermain</b>	√	√	√	√	√	√	√	√	√	X	9
<b>permain</b>	√	√	X	X	√	√	√	√	√	X	7

Menerusi ayat (19) dan (39), terdapat dua orang peserta. Agen dalam ayat (19) dan (39) ialah *dua orang budak itu* dan *seorang budak bongkok*, yakni kedua-duanya ialah animat, manakala penerima dalam ayat (19) dan (39) bukan animat, iaitu *buah deli* dan *mandudari*. Kinesis dalam ayat (19) dan (39) adalah tinggi kerana aksi boleh dipindahkan. Aksi adalah *telik* dan tepat masa dalam ayat (19), tetapi tidak dalam ayat (39). Aksi lebih rela dalam kedua-dua ayat kerana agen melakukan aksi dengan bertujuan menjadikan volisionaliti tinggi. Komponen afirmasi tinggi dalam kedua-dua ayat kerana nada aksi positif. Mod kedua-dua ayat tinggi kerana acara berlaku dalam dunia sebenar. Oleh sebab agen kedua-dua ayat ialah animat, maka agensi tinggi dalam kedua-dua ayat. Keberkesanan O adalah tinggi dalam kedua-dua ayat kerana objek mendapat kesan apabila aksi dipindahkan. Keindividualan O adalah rendah dalam ayat (19) dan (39) kerana kedua-dua objek bukan animat.

Kedua-dua ayat berbentuk AT dengan susunan struktur Agen + Kata Kerja + Penerima.

### Pasangan ayat 20

- (20) HAC 24:1 ...kata paduka kakanda, maka hendaklah tuanku **berteguh** kota akan menahan perang hulubalang.  
 (40) HAC 209:17 nenenda akan berangkat ke mari baik kita suruh **perteguh** kubu ini supaya jangan gajah ini lepas...

Berdasarkan ayat (20) dan (40), kedua-dua ayat melibatkan dua peserta, iaitu *tuanku* dan *kota* sebagai agen dan penerima dalam ayat (20). Dalam

**Jadual 20** Perbandingan transitiviti kosa kata *teguh*.

Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
<b>berteguh</b>	√	√	X	√	√	√	√	√	√	√	9
<b>perteguh</b>	√	√	X	√	√	√	√	√	√	√	9

ayat (40) pula, agen ialah *kita* dan penerima ialah *kubu*. Kedua-dua agen ialah animat, konkrit, boleh dirujuk dan dibilang, tetapi *tuanku* (KGND3) ialah mufrad berbanding dengan *kita* (KGND1) jamak. Keadaan ini menjadikan agensi dalam kedua-dua ayat tinggi kerana pemindahan aksi akan lebih berkesan. Begitu juga dengan mod adalah tinggi dalam ayat (20) dan (40) kerana acara berlaku dalam dunia sebenar disebabkan kesemua agen, aksi, dan penerima adalah *nyata*. Kinesis adalah tinggi dalam kedua-dua ayat kerana *berteguh* dan *perteguh* merupakan aksi yang boleh dipindahkan. Aspek rendah dalam ayat (20) dan (40) kerana aksi belum lengkap *atelik* berdasarkan kata bantu *hendaklah* dalam ayat (20) dan *akan* dalam ayat (40). Ketepatan masa kedua-dua ayat adalah tinggi kerana aksi tiada penangguhan dilakukan dan sekiranya aksi bertindak akan memberikan kesan kepada penerima dalam kedua-dua ayat. Begitu juga dengan volisionaliti yang tinggi dalam ayat (20) dan (40). Hal ini disebabkan agen bertindak dengan mempunyai tujuan, iaitu aksi *berteguh* akan memberikan kesan kepada *kota* manakala *perteguh* akan memberikan kesan kepada *kubu*. Afirmasi tinggi dalam ayat (20) dan (40) kerana nada ayat adalah positif menjadikan aksi lebih mengiakan. Penerima *kota* dalam ayat (20) dan *kubu* dalam ayat (40) menjadikan keberkesanan O tinggi dalam kedua-dua ayat kerana kedua-dua aksi dapat dilakukan dengan lebih berkesan dan sempurna. Kedua-dua penerima dalam ayat bukan animat, konkrit, definit, boleh dibilang menjadikan keindividualan O tinggi dalam ayat (20) dan (40).

Bentuk ayat (20) ialah AT kerana mempunyai susunan struktur ayat Agen + Kata Kerja + Penerima, manakala ayat (40) berbentuk AT selain mempunyai struktur yang sama dengan ayat (20), juga mempunyai kata kerja serial *suruh*.

## RUMUSAN

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian terhadap transitiviti awalan *ber-* dan *per-* dalam bahasa Melayu berdasarkan empat teks terpilih abad ke-17 dan ke-18. Analisis yang dibuat adalah untuk melihat perbandingan darjah transitiviti dalam kedua-dua awalan tersebut berdasarkan penerapan teori Hipotesis Transitiviti oleh Hopper & Thompson (1980). Selain itu, kajian ini turut membincangkan makna dan fungsi gramatis awalan *ber-* dan *per* yang digunakan dalam abad ke-17 dan ke-18 menggunakan kriteria yang diutarakan oleh Cumming (1991). Pengaplikasian kedua-dua teori dan kriteria tersebut dalam kajian ini telah menghasilkan beberapa rumusan.

Kajian ini bersifat kualitatif dan kuantitatif tentang darjah transitiviti ayat berimbuhan *ber-* dan *per-* dengan mengkhususkan pada BMK. Daripada pemerhatian dan penganalisisan yang telah dilakukan, rumusan yang dapat dikenal pasti pertama, darjah transitiviti adalah lebih tinggi dalam awalan *ber-* berbanding awalan *per-* dalam abad ke-17 dan ke-18. Seterusnya, awalan *ber-* dilihat lebih *berkemampuan* digunakan dalam abad tersebut kerana awalan *ber-* menepati kesemua komponen yang telah terkandung dalam HT. Frekuensi komponen transitiviti yang dimiliki oleh awalan *ber-* lebih tinggi berbanding awalan *per-*. Hal ini dapat dilihat lebih jelas berdasarkan Jadual 21.

Berdasarkan jadual tersebut, secara keseluruhannya dapat diperhatikan bahawa jumlah komponen (JK) transitiviti yang dimiliki oleh kata akar yang menerima awalan *ber-* adalah lebih tinggi berbanding awalan *per-* dalam pasangan kosa kata yang sama. Hal ini ditunjukkan dalam nisbah frekuensi JK yang dimiliki oleh awalan *ber-* lebih tinggi berbanding dengan awalan *per-*. Dapat juga dilihat hasil analisis pada kata akar *jamu* dengan nisbah 6:3, *binasa* (9:8), *lepas* (9:7), *tetap* (9:6), *buat* (8:6), *temukan* (7:5), *oleh* (7:2), *cintakan* (9:4), *tentukan* (9:2), *mula* (4:3), *suci* (9:7), *sembahkan* (10:5), *kata* (10:2), dan *main* (9:7). Kata akar yang menerima awalan *ber-* kurang berbanding dengan *per-* dalam pasangan kata yang sama ialah *salin* (8:9), *tuan* (6:7), dan mempunyai nisbah frekuensi yang sama ialah pada kata akar baik (7:7), *tapa* (3:3), dan *teguh* (9:9). Oleh itu, hasil analisis membuktikan bahawa awalan *ber-* mempunyai darjah transitiviti yang tinggi berbanding awalan *per-* dalam abad ke-17 dan ke-18 sebagaimana yang telah dinyatakan dalam objektif kajian.

Kedua, kata akar yang digunakan sebagai data kajian juga masih membawa makna yang sama walaupun dengan kehadiran penggunaan

**Jadual 21** Perbandingan darjah transitiviti prefiks *ber-* dan *per-*.

Bil.	Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
1.	<b>berjamu</b>	√	X	X	√	√	√	√	√	X	X	6
2.	<b>perjamu</b>	X	X	X	X	√	√	√	X	X	X	3
3.	<b>bermulia</b>	√	X	X	X	√	√	√	√	√	√	7
4.	<b>permulia</b>	X	X	X	X	√	√	X	X	X	X	2
5.	<b>berbinasa</b>	√	√	X	√	√	√	√	√	√	X	9
6.	<b>perbinasa</b>	√	√	X	√	√	√	√	√	√	X	8
7.	<b>berbaik</b>	√	X	√	√	√	√	√	√	X	X	7
8.	<b>perbaik</b>	√	X	√	√	√	√	√	√	X	X	7
9.	<b>berlepas</b>	√	√	X	√	√	√	√	√	√	√	9
10.	<b>perlepas</b>	X	√	X	√	√	√	√	X	√	√	7
11.	<b>bertetap</b>	√	X	√	√	√	√	√	√	√	√	9
12.	<b>pertetap</b>	√	X	X	X	√	√	X	√	√	√	6
13.	<b>berbuat</b>	√	√	X	√	√	√	√	X	√	√	8
14.	<b>perbuat</b>	√	√	X	√	√	√	X	X	√	X	6
15.	<b>bertemukan</b>	√	X	X	X	√	√	√	√	√	√	7
16.	<b>pertemukan</b>	X	X	X	X	√	√	√	X	√	√	5
17.	<b>bersalin</b>	√	√	√	√	√	√	√	X	√	X	8
18.	<b>persalin</b>	√	√	X	√	√	√	√	√	√	√	9
19.	<b>beroleh</b>	√	X	X	X	√	√	√	√	√	√	7
20.	<b>peroleh</b>	√	X	X	X	X	X	X	X	√	X	2
21.	<b>bercintakan</b>	√	√	√	√	√	X	√	√	√	√	9
22.	<b>percintakan</b>	√	√	X	X	√	X	X	√	X	X	4
23.	<b>bertentukan</b>	√	X	√	√	√	√	√	√	√	√	9
24.	<b>pertentukan</b>	X	X	X	X	√	√	X	X	X	X	2
25.	<b>bermula</b>	X	X	X	X	√	√	√	X	X	√	4
26.	<b>permula</b>	X	X	X	X	√	√	√	X	X	X	3
27.	<b>bertuan</b>	√	X	X	X	√	X	√	√	√	√	6
28.	<b>pertuan</b>	√	X	X	X	√	√	√	√	√	√	7
29.	<b>bersuci</b>	√	√	√	√	√	√	√	√	√	X	9
30.	<b>persuci</b>	√	√	X	X	√	√	√	√	√	√	7
31.	<b>bersembah-kan</b>	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	10

## Sambungan Jadual 21

Bil.	Kosa Kata	Psr	Kin	As	Punc	V	Af	Mod	Ag	K O	K O	JK
32.	<b>perseambah-kan</b>	X	√	√	√	√	X	X	X	√	X	5
33.	<b>bertapa</b>	X	X	X	X	√	√	X	√	X	X	3
34.	<b>pertapa</b>	X	X	X	X	√	√	X	√	X	X	3
35.	<b>berkata</b>	√	√	√	√	√	√	√	√	√	√	10
36.	<b>perkata</b>	X	X	X	X	X	√	X	X	√	X	2
37.	<b>bermain</b>	√	√	√	√	√	√	√	√	√	X	9
38.	<b>permain</b>	√	√	X	X	√	√	√	√	√	X	7
39.	<b>berteguh</b>	√	√	X	√	√	√	√	√	√	√	9
40.	<b>perteguh</b>	√	√	X	√	√	√	√	√	√	√	9

awalan *ber-* atau *per-*. Contoh yang dapat diambil daripada data ialah perjamu (menghibur, memberi makan), manakala berjamu (menghibur, memberi makan), permulia (mempermulia), manakala bermulia (mempermulia), dan percintakan (risau terhadap), manakala bercintakan (risau terhadap). Dapatkan kajian juga membuktikan bahawa dalam bahasa Melayu turut wujud transitiviti seperti yang ditunjukkan oleh Hopper & Thompson (1980) yang kebanyakannya menggunakan bahasa lain di dalam dunia ini sebagai data kajian mereka seperti bahasa Swahili, bahasa Diyari dan bahasa Polinesia yang lain. Maka, sudah tentu wujudnya darjah transitiviti dalam dan kosa kata tertentu dan bahasa lain.

Ketiga, merujuk kriteria yang digariskan oleh Cumming (1991), didapati bahawa awalan *ber-* mempunyai bentuk AT, PT, dan ST dalam abad ke-17 dan ke-18 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 21. Data yang dapat diambil daripada jadual membuktikan bahawa bentuk AT *ber-* adalah lebih transitif daripada bentuk AT *per-* dalam abad ke-17 dan ke-18. Pengaplikasian Kriteria Cumming (1991) dalam menentukan bentuk awalan *ber-* dan *per-* adalah lebih menyeluruh dan terperinci berbanding penggunaan istilah aktif, pasif, intransitif yang wujud dalam sistem tatabahasa bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana Kriteria Cumming (1991) telah memperkenalkan rumus tertentu dalam menentukan status ayat sama ada berbentuk AT, PT atau ST serta menggariskan enam set rumus bagi menangani klausa samar. Walau bagaimanapun, bentuk AT *ber-* yang mengungguli transitiviti ayat semakin beransur kurang transitivitinya

dalam abad seterusnya kerana bentuk AT *per-* sudah mengambil tempat. Seperti yang dinyatakan oleh Syed Zainal Ariff (2005:109) dalam kajianya bahawa:

*In the eighteenth century, there was a dramatic rise in the incidence of ber-, which changed from being associated with low transitivity in the AT form to being associated with intransitivity in the ST form. AT ber- disappeared and ST ber- became the dominant ST form.*

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memperlihatkan ayat BMK yang mempunyai awalan *ber-* mempunyai darjah transitiviti yang tinggi berbanding ayat yang mengandungi awalan *per-*. Fenomena yang berlaku dalam abad ke-17 dan abad ke-18 ini menunjukkan bahawa kedua-dua awalan ini diterima pakai dengan baik dalam bidang penulisan teks pada zaman tersebut dan penggunaan awalan ini masih berterusan hingga ke hari ini dalam bidang penulisan abad ke-21. Walau bagaimanapun, fungsi gramatis awalan *ber-* dan *per-* tidak sama, dan makna yang dibawakan oleh kosa kata kata yang terdapat dalam BMK juga berbeza daripada BMM. Hal ini demikian kerana awalan turut berperanan penting dalam menentukan maksud ayat, dan transitiviti sesuatu ayat dengan awalan tertentu adalah berbeza mengikut zaman. Fenomena ini akan berterusan hingga galas sesuatu bahasa itu masih digunakan.

Oleh itu, pengkaji berharap kajian ke atas teks *HSR*, *HIP*, *HMH*, *HAC* sedikit sebanyak dapat menambahkan pemahaman dan pengetahuan tentang aspek morfologi, dan sintaksis dalam bahasa Melayu lama khususnya dalam keempat-empat teks terpilih untuk rujukan pengkaji bahasa dan generasi hari ini. Untuk kajian selanjutnya, pengkaji berharap kajian transitiviti terhadap kosa kata tertentu dan perbandingan awalan lain dalam bahasa Melayu berdasarkan teks Melayu lama dan novel bahasa Melayu hari ini dapat dilakukan. Selain itu, kajian dari aspek fonologi terhadap kosa kata tertentu perlu ditelusuri dengan menggunakan catatan terdahulu dan teks lain sebagai dokumentasi pencegarahan bahasa Melayu yang semakin dilupakan. Kajian seperti ini diperlukan memandangkan bahasa Melayu seperti juga bahasa lain yang hidup akan sentiasa mengalami perubahan dan perkembangan dalam hayat sesuatu bahasa.

## NOTA

- 1 Awalan ni- digunakan sebagai awalan kata kerja pasif dalam BMKuno, contohnya dalam perkataan nisuruh (=disuruh), niwunuh (=dibunuhi), dan nisumpah (-disumpah). Dalam BMK dan BMM, ni- telah diganti dengan di-, manakala awalan mar- dalam BMKuno telah diganti dengan ber- dalam BMK dan BMM seperti dalam contoh marvuat (=berbuat) dan marlapas (=berlepas).
- 2 Akhiran -i telah digantikan dengan akhiran -kan dalam BMM. Contohnya dalam perkataan niujari (=diujarkan) kerana akhiran -kan belum muncul.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1988. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1991. *Bahasa Melayu Abad ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqa'id Al-Nasafi*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 1984. *Kesinambungan Bahasa dalam Karya Sastera Melayu: Satu Kajian Linguistik daripada Sudut Sintaksis*. Tesis Sarjana Sastera. Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Ahmad Mahmood Musanif, 1988. "Penambah Kata Kerja Bahasa Melayu Hari Ini dan Bahasa Melayu dalam Hikayat Abdullah: Satu Kajian Perbandingan Makna". Tesis Sarjana Sastera. Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Abdul Jalil Haji Anwar, 1986. "Morfem Bahasa Melayu Klasik: Satu Kajian Berdasarkan Hikayat Raja-raja Pasai". Tesis Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Ahmad Ramizu Abdullah, 1994. "Kajian Penulisan, Pembentukan dan Penggunaan Kata dalam Hikayat Seri Kelantan". Tesis Sarjana Sastera. Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Brakel. L.F., 1975. *The Hikayat Muhammad Hanafiah*. Bibliotheca Indonesica 12. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Cumming. S., 1991. *Functional Change: The Case of Malay Constituent Order*. Berlin. Mouton de Gruyter.
- Fox. Barbara, 1982. *The Focus System in Old Javanese, Tagalog, Chamorro and Proto-Malayo—Polynesian*. (Manuskrip tidak diterbitkan.).
- Hopper. P. J & Thompson. S. A., "Transitivity in Grammar and Discourse" dlm. *Language*. 56 (2): 251-99 1980.
- Ismail Hussein, 1974. *The Study of Traditional Malay Literature with a Selected Bibliography*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

SYED ZAINAL ARIFF SYED JAMALUDDIN DAN NOOR AZALIZA YAHAYA

- Noriah Mohamed, 1999. *Sejarah Sosiolinguistik Bahasa Melayu Lama*. Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.
- Radiyah Yusoff, 1995. “*Satu Kajian Transitiviti dan Ergativiti dalam Bahasa Melayu*”. Tesis Sarjana Sastera. Universiti Sains Malaysia.
- Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin, 2002. “Kelas kata Kerja Imbuhan per-/ber-/memper-, Berdasarkan Teks Abad ke-17 hingga Abad ke-20. Satu Perbandingan Antara Kajian Roolvink (1965) dengan Kajian Penulis (2000)” dlm. *Dewan Bahasa*. hlm. 44, Januari 2002.
- Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin, 2005. *The Evolution of Malay Affixes*. Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.